

Noh cuba sabotaj kerajaan negeri

MB sifatkan tindakan menteri KPKT itu berkaitan stesen pemindahan sisa pepejal berunsur politik

MARLIA ZAKARIA & MUHAMMAD FAIZ SULONG

SHAH ALAM - Tindakan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengambil alih pengurusan Stesen Pemindahan Sisa Pepejal di Seksyen 21, di sini dilihat sebagai cubaan sabotaj ke atas kerajaan negeri Selangor.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, ia tidak pernah berlaku ketika pimpinan menteri KPKT terdahulu.

"Ia satu refleks kepada tindakan tidak bertanggungjawab Tan Sri Noh Omar (Menteri KPKT) kerana perkara seperti itu tak pernah berlaku sewaktu Datuk Abdul Rahman Dahlan jadi Menteri KPKT.

"Saya lihat Noh seolah-olah ingin sabotaj kerajaan negeri supaya kita tak ada tempat untuk buang sampah," katanya selepas menghadiri Majlis Anugerah Kecemerlangan



Saya lihat Noh seolah-olah ingin sabotaj kerajaan negeri supaya kita tak ada tempat untuk buang sampah."

- Mohamed Azmin

Pendidikan Yayasan Selangor 2016.

Selain itu, Mohamed Azmin turut mempertikaikan tujuan asal kemudahan itu dibina.

"Saya tak tahu apa tujuan kemudahan itu dibina. Dia (Noh) nak buang sampah apa di situ sekarang? It's very political.

Tanah itu tanah kerajaan, ke-

mudahan dibina KPKT dan disewakan kepada agensi terlibat.

"Jadi kenapa sekarang tiba-tiba buat keputusan tak mahu teruskan kontrak tersebut sedangkan ini isu sampah yang perlu diuruskan?" soalnya.

Namun katanya, kerajaan negeri tetap menghormati keputusan mahkamah dan isu tersebut tidak perlu

dibangkitkan lagi.

"Kita menghormati keputusan mahkamah dan pihak agensi terbabit sudah mengosongkan premis berkenaan. Jadi apa masalahnya?"

"Bagaimanapun ada tiga PBT (pihak berkuasa tempatan) diberi arahan supaya lori-lori sampah ini membuang sampah di tempat yang ditetapkan. Kalau dia (Noh) tak bagi situ, tak apalah," katanya.

Pada masa sama katanya, kerajaan negeri mempunyai pelan tindakan yang ditetapkan supaya pengurusan sampah dan sisa pepejal di Selangor tetap berjalan dengan baik.

Terdahulu, KPKT mengumumkan akan mengambil alih pengurusan Stesen Pemindahan Sisa Pepejal di Seksyen 21, di sini, berikutan kegagalan kerajaan Selangor menguruskannya dengan baik.

Noh turut menyelar tindakan kerajaan negeri yang mempertikaikan

surat tidak sambung kontrak bagi pengurusan di stesen berkenaan bersifat politik.

Sementara itu Noh menafikan dakwaan pihaknya cuba melakukan sabotaj terhadap kerajaan negeri dalam isu berkenaan.

Jelas beliau, keputusan tidak menyambung kontrak kepada pengurusan di bawah kerajaan negeri adalah kerana faktor tadbir urus yang tidak cekap.

"Setelah kita teliti sepanjang tempoh kontrak selama lima tahun, kita dapati mereka gagal menggunakan stesen dan prasarana yang kita sediakan dengan baik.

"Bukan sahaja masalah pengurusan sampah gagal diatasi, malah kita dapati banyak prasarana yang rosak dan hilang.

"Jadi kita putuskan tak sambung kontrak... Apa masalahnya? Dia (Azmin) sendiri yang bawa kes mahkamah dan kalah," katanya.